



PERBUATAN menyunting wajah individu tertentu boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap mangsa. -GAMBAR HIASAN

Kesan negatif

SEMENTARA itu, Pakar Dakwah dan Pembangunan Remaja (Psikologi Dakwah dan Psikologi Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia, **Profesor Madya Dr. Fariza Md. Sham** berkata, menurut perspektif Islam, perbuatan itu sememangnya salah kerana boleh mengaibkan maruah seseorang individu tersebut.

"Perbuatan mengubah gambar orang lain dengan pelbagai mimik muka, aksi serta gaya ini seolah-olah menonjolkan sisi buruk seseorang itu dengan membuka aib tanpa mereka sedari.

"Dalam al-Quran turut menyentuh mengenai tindakan mengaibkan seseorang individu itu adalah dilarang kerana bukan sahaja boleh memalukan dan menjatuhkan imej mereka," katanya.

Mengulas lanjut, Fariza memberitahu bahawa perbuatan menggunakan gambar-gambar pemimpin mahupun artis terkenal untuk tujuan jenaka semasa perbualan media sosial dilihat sebagai tidak menghormati pemilik gambar tersebut.

"Bukan sahaja tidak menghormati mereka yang

merupakan pemimpin malah tindakan menggunakan gambar jelik sebagai *emoticon* ini sudah dilihat menjadi budaya yang tidak sihat dalam kalangan masyarakat.

"Mana nilai budaya masyarakat timur dalam diri masyarakat? Mereka seharusnya tahu dalam Islam

sendiri sudah mengkehendaki setiap individu untuk menghormati pemimpin atau sesama sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Fariza turut memberitahu bahawa tindakan mengaibkan individu dengan menggunakan

emoticon ini akan memberikan kesan terhadap emosi seseorang sehingga menyebabkan kemurungan.

"Mangsa boleh mengalami tekanan iaitu rasa sedih, kecewa geram tertekan terutamanya apabila melihat gambar sendiri di dalam media sosial dijadikan bahan jenaka secara meluas.

"Apa yang boleh dilakukan untuk situasi begini adalah mereka tidak perlu mempedulikan apa dikatakan selain boleh menggunakan saluran undang-undang yang betul bagi mengelakkan gambar mereka terus disalahgunakan," katanya.



FARIZA MD. SHAM